

Journal of Ma'ālim al-Qur'ān wa al-Sunnah

Volume 22 No. 1 (2026)

ISSN: 1823-4356 | e-ISSN: 2637-0328

Homepage: <https://jmqs.usim.edu.my/>



- Title : **The Significance of Green Colour in Sahih al-Bukhari Hadith Texts: Its Role as a Non-Pharmacological Element for Anxiety Management**
- Author (s) : Norwardatun Mohamed Razali, Robiatul Adawiyah Mohd@Amat
- Affiliation (s) : Universiti Sains Islam Malaysia
- DOI : <https://doi.org/10.33102/jmqs.v22i1.619>
- History : Received: April 1, 2026; Revised: May 15, 2026; Accepted: June 1, 2026; Published: June 30, 2026.
- Citation : Norwardatun Mohamed Razali, & Robiatul Adawiyah Mohd@Amat. Signifikan Warna Hijau dalam Hadith Sahih al-Bukhari: Peranannya Sebagai Elemen Nonfarmakologi Bagi Masalah Kebimbangan (Anxiety): The Significance of Green Colour in Sahih al-Bukhari Text Hadith: Its Role as a Nonpharmacological Element for Anxiety Management. *Ma'ālim Al-Qur'ān Wa Al-Sunnah*, 22(1), 100–123. <https://doi.org/10.33102/jmqs.v22i1.619>
- Copyright : © The Authors
- Licensing :  This article is open access and is distributed under the terms of [Creative Commons Attribution 4.0 International License](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)
- Conflict of Interest : Author(s) declared no conflict of interest

**Signifikan Warna Hijau dalam Hadith Sahih al-Bukhari:  
Peranannya Sebagai Elemen Nonfarmakologi Bagi Masalah  
Kebimbangan (*Anxiety*)**

**The Significance of Green Colour in Sahih al-Bukhari Hadith  
Texts: Its Role as a Non-Pharmacological Element for Anxiety  
Management**

**Norwardatun Mohamed Razali\***  
Faculty of Quranic and Sunnah Studies  
Universiti Sains Islam Malaysia

**Robiatul Adawiyah Mohd@Amat**  
Faculty of Quranic and Sunnah Studies  
Universiti Sains Islam Malaysia

**Abstrak**

Warna merupakan sebahagian daripada elemen penting dalam kehidupan manusia. Dalam al-Quran penggunaannya sinonim dengan alam semulajadi dan nikmat kehidupan akhirat, justeru ia dilihat sebagai warna yang memberikan kesan positif untuk kesejahteraan mental dan emosi manusia. Dalam hadith Nabawi, warna hijau juga digunakan dalam teks hadith menjelaskan tentang sesuatu perkara, namun begitu sejauh mana ia mempunyai nilai signifikan yang memberi kesan dari aspek psikologi memerlukan kepada penelitian lanjut. Objektif kajian ini adalah meneliti signifikan penggunaan warna hijau dalam teks hadith Sahih al-Bukhari serta peranannya sebagai elemen nonfarmakologi dalam menangani masalah kebimbangan (*anxiety*). Analisis kualitatif dokumen dilakukan terhadap 13 teks hadith yang ditemui dalam kitab hadith Sahih al-Bukhari. Dapatan menunjukkan 12 teks hadith membawa konotasi positif, termasuk tema pakaian, barangan, alam semula jadi, taman, tumbuhan, permaidani, serta perumpamaan iman atau harta, manakala satu hadith membawa konotasi negatif yang menggambarkan penderitaan fizikal seorang wanita. Secara keseluruhan, warna hijau dalam hadith merujuk kepada kehidupan, ketenangan, keberkatan dan kenikmatan di akhirat. Penemuan ini disepadukan dengan kajian psikologi moden yang menunjukkan warna hijau memberi kesan relaksasi, menstabilkan emosi, serta mengurangkan kebimbangan. Justeru, warna hijau berpotensi diterapkan sebagai elemen

---

\*Correspondence concerning this article should be addressed to Norwardatun Mohamed Razali, Universiti Sains Islam Malaysia at wardatun@usim.edu.my

terapi warna berdasarkan Hadith Nabawi secara nonfarmakologi untuk menangani masalah kebimbangan.

**Kata kunci:** Hijau, nonfarmakologi, kebimbangan (*anxiety*), terapi warna (chromotherapy), sahih al-Bukhari

### Abstract

Anxiety disorders represent one of the most prevalent mental health conditions worldwide, necessitating the exploration of holistic and culturally relevant interventions that complement conventional pharmacological treatments. Within Islamic sources, the colour green occupies a prominent symbolic position in both the Qur'an and Prophetic traditions, often associated with nature, tranquillity, blessings, and the rewards of the Hereafter. Nevertheless, its potential psychological significance and therapeutic value remain underexplored in hadith studies. This study aims to examine the significance of the green colour in the textual corpus of Sahih al-Bukhari and to evaluate its potential role as a non-pharmacological element for anxiety management. Employing a qualitative document analysis approach, thirteen hadith narrations containing references to the colour green were identified and analysed through thematic coding and contextual interpretation. The findings reveal that twelve narrations convey predominantly positive connotations, encompassing themes of clothing, household objects, natural landscapes, gardens, vegetation, green carpets, and metaphors related to faith and wealth, while only one narration presents a negative connotation associated with physical suffering. Overall, the symbolism of green in these hadith texts consistently reflects notions of life, serenity, spiritual security, divine blessing, renewal, and eternal felicity. When integrated with contemporary psychological literature, these findings correspond with empirical evidence demonstrating that exposure to green environments and green visual stimuli promotes relaxation, emotional regulation, physiological calmness, and reductions in anxiety-related symptoms. The study argues that the recurrent positive representation of green within Prophetic discourse may provide a conceptual foundation for developing culturally grounded chromotherapeutic interventions within Muslim communities. Consequently, the integration of hadith-based symbolism with contemporary psychological insights offers a promising interdisciplinary framework for advancing non-pharmacological approaches to anxiety management, although further empirical investigation is required to establish causal therapeutic effectiveness.

**Keywords:** Green, non-pharmacological, anxiety, chromotherapy, Sahih al-Bukhari.

## Pendahuluan

Gangguan kebimbangan atau anxiety disorders merupakan salah satu penyakit mental yang paling lazim di peringkat global dengan kadar kelaziman, kronik dan komorbiditi yang tinggi. Meskipun pembangunan ekonomi dan sosial menunjukkan kemajuan pesat, kadar insiden kebimbangan terus meningkat khususnya dalam kalangan lelaki<sup>1</sup>. Situasi ini menuntut pendekatan rawatan yang lebih pelbagai merangkumi integrasi antara terapi moden, terapi psikospiritual dan kaedah alternatif seperti terapi warna (*chromotherapy*). Terapi ini berperanan menstabilkan emosi, meredakan tekanan mental, dan mengurangkan simptom kebimbangan melalui rangsangan visual yang bersifat psikologi. Pendekatan holistik sebegini diyakini dapat menyumbang kepada peningkatan kesejahteraan emosi dan spiritual secara lebih menyeluruh<sup>2</sup>. Justeru, perbincangan ini akan memfokuskan kepada potensi terapi warna sebagai sebahagian daripada intervensi holistik dalam pengurusan gangguan kebimbangan (*anxiety*).

## Kebimbangan dari Perspektif Psikologi Moden

Secara asasnya, kebimbangan atau *anxiety* merupakan satu bentuk pengalaman emosi yang lazim dalam kehidupan manusia terutamanya ketika berhadapan dengan situasi baru, cabaran kehidupan atau menempuh suatu tekanan tertentu. Kebimbangan merupakan reaksi yang normal, namun dapat menjadi tidak terkawal bagi sesetengah individu sehingga dapat menjejaskan keupayaan mereka menjalani kehidupan seharian secara biasa<sup>3</sup>. Dalam masa yang sama, kemampuan individu adalah berbeza dan sebahagian mampu mengawal kebimbangan tersebut meskipun berhadapan dengan tekanan yang sama<sup>4</sup>.

Dari sudut psikologi moden, istilah *anxiety* ditakrifkan sebagai perasaan takut yang berlebihan di luar kadar yang seharusnya sehingga boleh mencetuskan risiko ancaman terhadap kesihatan mental sehingga boleh menyebabkan terjadinya kecelaruan mental dan gangguan fungsi saraf yang

---

<sup>1</sup> Cao, Hui, Yanan Wu, Huan Yin, Yifan Sun, Hui Yuan, and Min Tao, "Global Trends in the Incidence of Anxiety Disorders from 1990 to 2019: Joinpoint and Age-Period-Cohort Analysis Study," *JMIR Public Health and Surveillance* 9 (2023): e42600, <https://doi.org/10.2196/42600>

<sup>2</sup> Gupta, Ritu, "Color Therapy in Mental Health and Well Being," *International Journal of All Research Education and Scientific Methods (IJARESM)* 9, no. 2 (2021): 1–4, [www.ijaresm.com](http://www.ijaresm.com)

<sup>3</sup> Mohd Nasir, Siti Norlina dan Siti Aisyah, "Kebimbangan dari Perspektif Psikologi Islam dan Cara Mengatasinya Berdasarkan Surah al-Ma'arij," *Sains Humanika*, no. 1 (2015): 61.

<sup>4</sup> Mohd Nasir, Norlina dan Aisyah, "Kebimbangan dari Perspektif Psikologi Islam", 61.

kompleks<sup>5</sup>. Ia juga ditakrifkan sebagai satu keadaan emosi yang dicirikan oleh kebimbangan yang melampau disertai dengan simptom-simptom somatik<sup>6</sup>.

Terdapat enam gejala somatik yang sering dikaitkan dengan kebimbangan apabila ia berlaku secara berlebihan dan tidak ditangani dengan baik termasuklah kegelisahan (*restlessness*), keletihan melampau (*fatigue*), kesukaran penumpuan (*concentration difficulties*), mudah marah (*irritability*), ketegangan otot (*muscle tension*) dan gangguan tidur (*insomnia*). Gangguan tidur ini merangkumi kesukaran untuk memulakan tidur, kerap terjaga di tengah malam sehingga tidur terganggu, atau tidur yang tidak nyenyak, juga bangun awal dari kebiasaan pada esok hari sehingga tidak dapat merasa rehat yang cukup. Namun begitu, tidak semua gejala ini akan dialami serentak oleh setiap individu; ada kalanya ia berlaku secara bertindih (*overlapping*), dan kadang kala satu gejala lebih menonjol daripada yang lain<sup>7</sup>.

Terdapat dua gejala psikologi utama yang dialami oleh pesakit jika perasaan risau melampau mengganggu, iaitu rasa risau (*worry*) dan rasa takut (*fear*)<sup>8</sup>. Terdapat pandangan yang membezakan antara takut dan kebimbangan. Kebimbangan merupakan gangguan emosi yang berorientasikan masa hadapan, melibatkan perkara yang belum berlaku tetapi mengganggu proses kognitif individu akibat kecenderungan untuk menjangka sesuatu secara berlebihan yang dikenali sebagai kebimbangan jangkakan (*anticipatory anxiety*). Ia biasanya dipengaruhi oleh emosi negatif dan ditunjukkan melalui tanda-tanda ketegangan tubuh badan secara fizikal dan kebimbangan rasa yang kronik. Manakala takut pula adalah reaksi emosi mengejut dan serta-merta serta-merta terhadap ancaman-ancaman (*threats*) atau perkara berbahaya di mana individu secara spontan bertindak balas dengan kecenderungan untuk melarikan diri (*strong escape-action tendencies*) atau menghindarkan diri (*avoidance*) daripada situasi tersebut yang boleh mencetuskan ketidakselesaan pada seseorang<sup>9</sup>.

---

<sup>5</sup> James Drever, *A Dictionary of Psychology* (Harmondsworth: Penguin, 1952).

<sup>6</sup> Robert S. Feldman, *Essentials of Understanding Psychology* (New York: McGraw-Hill, 1997).

<sup>7</sup> Russell Noyes Jr., Cynthia S. Holt, dan Cynthia L. Woodman, "Somatic Symptoms in Generalized Anxiety Disorder, Panic Disorder and Major Depressive Disorder," *Psychosomatics* 39, no. 3 (1998): 145-153.

<sup>8</sup> M. N. Masroom, S. N. Muhamad, and A. Abd Rahman, "Traditional Integrated Islamic Psychotherapy: Its Effectiveness in Treating Anxiety," *Journal of Islamic Studies* 23, no. 2 (2015): 112-130.

<sup>9</sup> David H. Barlow, Timothy A. Brown, dan Michelle G. Craske, "Definitions of Anxiety Disorders," dalam *Clinical Handbook of Psychological Disorders* (New York: Guilford Press, 2003), 21-47.

## Intervensi Bagi Masalah Kebimbangan

Dalam bidang psikologi moden, pengurusan kebimbangan (*anxiety*) lazimnya dilaksanakan melalui dua pendekatan utama iaitu psikofarmakologi dan pendekatan nonfarmakologi<sup>10</sup>. Pendekatan psikofarmakologi melibatkan penggunaan ubat-ubatan anti-kebimbangan yang ditetapkan berdasarkan penilaian klinikal dan diagnosis yang tepat oleh pakar psikiatri<sup>11</sup>. Rawatan ini bertujuan mengimbangi bahan kimia otak yang berkait rapat dengan gejala kebimbangan seperti neurotransmitter yang disebut serotonin dan norepinefrin.

Sebaliknya, pendekatan nonfarmakologi mencakupi pelbagai bentuk intervensi psikososial termasuk psikoterapi berasaskan agama (*traditional integrated islamic psychotherapy*)<sup>12</sup>, terapi kognitif-tingkah laku (*cognitive behavioural therapy-CBT*)<sup>13</sup>, serta teknik pengurusan stres seperti senaman pernafasan mendalam (*deep breathing techniques*) dan teknik relaksasi<sup>14</sup>. Kaedah-kaedah ini memberi fokus kepada perubahan pola pemikiran negatif, peningkatan kesedaran sendiri dan pembinaan kemahiran daya tindak terhadap tekanan emosi.

Salah satu pendekatan yang turut mendapat perhatian dalam intervensi nonfarmakologi ialah penggunaan elemen warna dalam persekitaran terapi. Dalam bidang psikologi warna, warna dipercayai mempunyai pengaruh tertentu terhadap emosi, tingkah laku dan tindak balas psikologi manusia. Setiap warna mampu mencetuskan reaksi emosi yang berbeza berdasarkan persepsi visual serta pengalaman psikologi individu. Sebagai contoh, teori psikologi warna yang dikemukakan oleh Angela Wright<sup>15</sup> menjelaskan bahawa warna tertentu boleh mempengaruhi keseimbangan emosi serta keadaan mental seseorang. Warna yang bersifat lembut dan menenangkan seperti hijau sering dikaitkan dengan perasaan ketenangan, keseimbangan dan kestabilan emosi. Oleh itu, warna hijau sering digunakan dalam reka bentuk persekitaran terapeutik seperti hospital, pusat

---

<sup>10</sup> Borwin Bandelow, Stefan Michaelis dan Daniel Wedekind, "Treatment of Anxiety Disorders," *Dialogues in Clinical Neuroscience* 19, no. 2 (2017): 93–107.

<sup>11</sup> National Institute of Mental Health, "Anxiety Disorders," last modified 2024, <https://www.nimh.nih.gov/health/topics/anxiety-disorders>.

<sup>12</sup> Masroom, Muhamad, and Abd Rahman, "Traditional Integrated Islamic Psychotherapy," 112–130.

<sup>13</sup> A. Sudirman, "Cognitive Behavioural Therapy in Anxiety Treatment," *Asian Journal of Psychiatry* 36 (2018): 45–52.

<sup>14</sup> M. Syatoto, "Relaxation Techniques for Stress and Anxiety Management," *Malaysian Journal of Health Sciences* 16, no. 1 (2018): 77–84.

<sup>15</sup> Angela Wright, *The Beginner's Guide to Colour Psychology* (London: Kyle Cathie Limited, 1995).

pemulihan serta ruang relaksasi bagi membantu mewujudkan suasana yang lebih menenangkan.

Kajian-kajian empirikal terkini menunjukkan bahawa pendedahan kepada elemen warna dan persekitaran visual tertentu mempunyai kesan langsung terhadap kestabilan emosi dan pengurangan tahap kebimbangan. Sebagai contoh, kajian oleh Browning<sup>16</sup> mendapati bahawa pendedahan kepada visual alam semula jadi yang dominan dengan warna hijau dapat mengurangkan tahap anxious apprehension dan anxious arousal dalam kalangan pelajar universiti. Selain itu, kajian oleh Nakada<sup>17</sup> menunjukkan bahawa penggunaan cahaya hijau dalam rawatan klinikal mampu menurunkan tekanan fisiologi pesakit serta membantu meningkatkan keadaan relaksasi semasa prosedur perubatan.

Dalam kajian yang lebih terkini, Melo-Carrillo<sup>18</sup> mendapati bahawa penggunaan pencahayaan *narrow-band green light* (nbGL) dalam sesi psikoterapi bagi pesakit *generalized anxiety disorder* (GAD) menunjukkan peningkatan emosi positif serta pengurangan simptom kebimbangan berdasarkan skor *State-Trait Anxiety Inventory* (STAI). Penemuan ini menunjukkan bahawa warna hijau berpotensi digunakan sebagai salah satu elemen intervensi nonfarmakologi yang menyokong rawatan psikologi moden.

Walaupun terdapat pelbagai kajian yang meneliti kesan warna terhadap emosi manusia dalam bidang psikologi moden, kebanyakan kajian tersebut lebih memberi tumpuan kepada pendekatan eksperimen atau aplikasi klinikal tanpa mengaitkannya dengan sumber tradisi keilmuan Islam. Dalam masa yang sama, kajian dalam bidang hadith lazimnya menumpukan kepada aspek syarah, fiqh atau analisis bahasa hadith tanpa menilai potensi aplikasinya dalam konteks kesihatan mental kontemporari. Oleh itu, masih terdapat jurang kajian yang jelas dalam usaha mengintegrasikan analisis teks hadith dengan dapatan empirikal psikologi moden bagi menjelaskan potensi elemen warna sebagai intervensi psikospiritual. Kekosongan ini membuka

---

<sup>16</sup>Matthew H. E. M. Browning, Katherine J. Mimnaugh, Carena J. van Riper, Heidemarie K. Laurent and Steven M. LaValle, "Can Simulated Nature Support Mental Health? Comparing Short, Single-Doses of 360-Degree Nature Videos in Virtual Reality with the Outdoors," *Frontiers in Psychology* 10 (2020): 1–13, doi:10.3389/fpsyg.2019.02667.

<sup>17</sup>Yuki Nakada et al., "Effect of Wearing Green Colored Glasses on Pain and Anxiety during Intravenous Cannulation," *Pain Research & Management* (2022): 1–8, <https://doi.org/10.1155/2022/2345683>

<sup>18</sup>Alfredo Melo-Carrillo et al., "Psychotherapy Treatment of Generalized Anxiety Disorder Improves When Conducted Under Narrow Band Green Light," *Psychology Research and Behavior Management* 16 (2023): 241–50, <https://doi.org/10.2147/PRBM.S388042>

ruang kepada penyelidikan yang menghubungkan makna simbolik warna dalam hadith Nabi SAW dengan fungsi psikologi warna dalam menangani masalah kebimbangan.

Berdasarkan jurang kajian tersebut, kajian ini berusaha untuk menganalisis simbolik penggunaan warna hijau dalam hadith Sahih al-Bukhari serta menilai hubungannya dengan dapatan kajian psikologi moden berkaitan kesan warna terhadap emosi manusia. Berbeza dengan kajian terdahulu yang meneliti warna dari perspektif psikologi semata-mata atau meneliti hadith secara deskriptif dalam kerangka ilmu hadith, kajian ini menggabungkan kedua-dua pendekatan tersebut melalui analisis tematik terhadap teks hadith serta perbincangan dalam konteks psikologi warna.

### **Metodologi kajian**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk analisis dokumen bagi meneliti penggunaan perkataan “hijau” dalam Hadith Sahih al-Bukhari. Pemilihan hadith-hadith dari kitab Sahih al-Bukhari sahaja tanpa melibatkan kitab dari koleksi kutub sittah yang lain adalah bertujuan memastikan kesahihan sumber berada pada tahap tinggi memandangkan karya Muhammad ibn Ismail al-Bukhari diiktiraf sebagai salah satu kitab hadith paling sahih selepas al-Quran, dan memfokuskan analisis secara lebih mendalam dan sistematik terhadap lafaz warna hijau. Data primer diperoleh daripada 13 riwayat hadith yang mengandungi perkataan “hijau,” kemudian dianalisis melalui pengumpulan teks, pengekodan lafaz berkaitan warna hijau, dan pengelompokan tema mengikut konteks penggunaannya. Kaedah analisis tematik diaplikasikan bagi mengenal pasti makna dan konotasi warna hijau, termasuk pembacaan menyeluruh, pengekodan maklumat penting, dan pengelompokan corak atau tema berulang membolehkan data distrukturkan secara sistematik dan makna diekstrak dengan tepat untuk menjawab persoalan penyelidikan. Dapatan kajian kemudiannya disepadukan dengan rujukan sekunder daripada kajian psikologi moden, terutamanya yang menggunakan warna hijau sebagai elemen terapi bagi menilai keberkesanan simbolik penggunaan warna hijau sebagai intervensi psikospiritual dalam mengurangkan kebimbangan (*anxiety*).

### **Dapatan Kajian**

#### **1) Signifikan Warna Hijau Dalam Hadith Sahih al-Bukhari**

Berdasarkan carian perkataan hijau dalam Sahih al-Bukhari, terdapat 13 teks hadith yang ditemui dalam bab berbeza (tidak termasuk teks hadith yang berulang). Lafaz ini digunakan dalam enam bentuk iaitu; *حُضْرَة* , *الأخضر* , *خضراء* , *أخضر* dan *حُضْرَة* . Di antara perkataan ini, perkataan *خضراء* , *الخضراء* ,

merupakan perkataan yang paling banyak digunakan sebanyak lima kali, diikuti أخضر sebanyak tiga kali dan الأخضر sebanyak dua kali sebagaimana tertera dalam jadual 2.

**Jadual 2:** Perkataan yang menggunakan perkataan hijau dalam hadith Sahih al-Bukhari

	Lafaz		Nombor Hadith	Makna Literal Perkataan Hijau dalam hadith Sahih al-Bukhari	Bilangan Teks Hadith	Jumlah Hadith (Tanpa pengulangan)
1	حُضْرَة	1	5487	Lebam wanita yang dizalimi	1	1
2	الأخضر	2	2646,2722	Warna laut.	3	2
		3	5274	Warna tempayan		
3	أخضر	4	3061, 4577	hamparan berwarna hijau	4	3
		5	5485	Warna sebenar (corak hijau) yang terdapat pada pakaian berwarna hitam.		
		6	7001	Tumbuhan yang tumbuh subur ke arah cahaya matahari.		
4	خضراء	7	1320	Taman yang subur dan menghijau, yang merujuk kepada suatu tempat yang penuh dengan tumbuhan hijau yang indah dan menenangkan	5	5
		8	3221	Warna tumbuhan hidup yang muncul secara ajaib apabila Nabi Khidr duduk di atas permukaan putih.		
		9	4449	warna sebenar hamparan yang digunakan oleh Nabi Khidr ketika dijumpai oleh Nabi Musa.		
		10	5771	warna hijau daun pohon kurma		
		11	6608	taman yang subur dan hidup di syurga dalam konteks mimpi.		

5	الخضراء وخضرة	12	1396, 2687, 6063	Tumbuhan dan rumput hijau.	3	1
6	خَضِرَةٌ	13	1403, 6076	Warna rumput hijau yang menarik dan menyegarkan.	2	1
				JUMLAH	18	13

Berdasarkan 13 hadith ini, 12 hadith dikategorikan dalam hadith yang membawa konotasi positif, dan satu hadith membawa konotasi negatif.

### **Pertama: Hadith yang membawa konotasi positif**

Terdapat 12 hadith menggunakan perkataan hijau yang membawa konotasi positif dan dijelaskan dalam empat tema berikut;

1- Warna pakaian dan barangan: Warna hijau digunakan ketika menjelaskan warna pakaian dan barangan dalam dua hadith;

Pertama: untuk menjelaskan warna fizikal luar tempayan sebagaimana diriwayatkan dalam hadith nombor 5274:

حَدَّثَنَا الشَّيْبَانِيُّ قَالَ: سَمِعْتُ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ أَبِي أَوْفَى رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: نَهَى النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الْجَرِّ الْأَخْضَرِ، قُلْتُ: أَنْشَرَبُ فِي الْأَبْيَضِ؟ قَالَ: (لا).

Terjemahan: Telah menceritakan kepada kami As Syaibani, dia berkata; “Saya mendengar Abdullah bin Abu Aufa RA berkata; “Nabi SAW melarang penggunaan tempayan berwarna hijau sebagai bekas minuman. Aku bertanya: ‘Adakah kami boleh minum dari tempayan berwarna putih?’ Baginda menjawab: ‘Tidak.’”<sup>19</sup>

Hadith ini berkaitan larangan menggunakan bekas tertentu dalam penyediaan nabīdh (arak), menunjukkan bahawa larangan tersebut tidak berkaitan dengan warna bekas seperti hijau atau putih, tetapi kepada faktor perubahan minuman sehingga membawa kepada sifat memabukkan<sup>20</sup>.

Kedua: warna hijau digunakan bagi menjelaskan warna corak pada kain berwarna hitam dan Nabi SAW mengiktiraf keindahan pakaian tersebut;

<sup>19</sup> Muḥammad ibn Ismā‘īl al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Ashribah, Bāb 7, Hadith no. 5274 (Riyadh: Dār Taḥq al-Najāt, 2002), 5/2125.

<sup>20</sup> Maḥmūd ibn Aḥmad al-‘Aynī, *Umdat al-Qārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, n.d.), 21/180.

عَنْ أُمِّ خَالِدِ بِنْتِ خَالِدٍ: أَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِثِيَابٍ فِيهَا حَمِيصَةٌ سَوْدَاءُ صَغِيرَةٌ، فَقَالَ: (مَنْ تَرَوْنَ أَنْ نَكْسُوَ هَذِهِ). فسكت القوم، فقال: (اثنوني بأُمِّ خَالِدٍ) فَأَتِي بِهَا تُحْمَلُ، فَأَخَذَ الْحَمِيصَةَ بِيَدِهِ فَأَلْبَسَهَا، وَقَالَ: (أَبْلِي وَأَخْلِقِي). وَكَانَ فِيهَا عِلْمٌ أَخْضَرُ أَوْ أَصْفَرُ، فَقَالَ: (يَا أُمَّ خَالِدِ، هَذَا سَنَاهُ). وَسَنَاهُ بِالْحَبَشِيَّةِ حَسَنٌ.

Terjemahan: Daripada Ummu Khalid binti Khalid: Nabi SAW didatangkan dengan beberapa helai pakaian, antaranya ada sehelai khomisah (pakaian bercorak) kecil berwarna hitam. Baginda bersabda: “Siapakah yang kamu lihat patut kita pakaikan pakaian ini?”. Lalu para sahabat pun diam. Baginda bersabda: “Bawakan kepadaku Ummu Khalid.” Maka dibawalah beliau dalam keadaan didukung. Baginda SAW mengambil khomisah itu dengan tangannya, lalu memakaikannya kepada Ummu Khalid dan bersabda: “Pakailah sehingga lusuh dan rosak.” “Pada pakaian itu terdapat corak berwarna hijau atau kuning. Lalu Nabi SAW bersabda: ‘Wahai Ummu Khalid, ini Sanāh.’ Perkataan Sanāh dalam bahasa Habsyah bermaksud ‘indah/baik.’”<sup>21</sup>

2- Warna taman dan alam: Warna hijau juga digunakan dalam hadith yang menyentuh berkaitan warna fizikal laut, warna daun pohon tamar, warna taman dan warna tumbuhan yang tumbuh.

a) Warna laut: Hadith nombor 2646 dan 2722 menjelaskan tentang mimpi Baginda SAW berkaitan sebahagian umatnya digambarkan menaiki laut hijau seperti raja di atas singgahsana sebagai simbol kemuliaan, keberanian dan keluasan medan perjuangan.

عن أبي هريرة قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: رأيت كأني في البحر على سرير، وحوالي ناس من أصحابي، ورأيت كأن ناسا من أمتي يعبرون البحر الأخضر ملوكا على الأسر.

Terjemahan: Daripada Abu Hurairah RA, beliau berkata: Rasulullah SAW bersabda: "Aku melihat seolah-olah aku berada di laut, di atas sebuah singgahsana dan di sekelilingku ada manusia dari kalangan sahabatku. Dan aku melihat seolah-olah ada manusia daripada umatku menyeberangi laut yang hijau, (mereka berada) sebagai raja-raja di atas singgahsana."<sup>22</sup>

Apabila mendengar sabda Nabi SAW, Ummu Ḥarām binti Miḥān memohon doa untuk tergolong dalam golongan tersebut dan akhirnya gugur syahid dalam ekspedisi laut bersama tentera Islam. Penafsiran ulama seperti

<sup>21</sup> Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Libās, Bāb al-Khamīṣah al-Sawdā', Hadith no.5485, 5/2191.

<sup>22</sup> Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Jihād wa al-Siyar, Bāb Faḍlu man yuṣra'u fi sabīli llāhi fa-māta fa-huwa minhum, Hadith no. 2646, 3/1030; dan Bab Ghazwu al-mar'ati fi al-baḥr, Hadith no. 2722, 3/1055.

al-Kirmanī<sup>23</sup> dan al-‘Asqalānī<sup>24</sup> menekankan bahawa lafaz (البحر الأخضر) dalam hadith ini boleh difahami secara literal berdasarkan fenomena optik atau secara khusus untuk membezakan laut masin daripada air tawar. Justeru, warna hijau pada warna laut yang disebut oleh Nabi SAW merujuk kepada sifat lazim laut masin yang kelihatan kehijauan akibat pantulan udara dan langit walaupun air secara hakikatnya tidak berwarna.

b) Taman yang subur: terdapat beberapa hadith yang menggunakan warna hijau berkaitan taman yang subur dengan perkataan (روضة خضراء). Antaranya hadith nombor 6608;

عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ سِيرِينَ قَالَ: قَالَ قَيْسُ بْنُ عُبَادٍ: كُنْتُ فِي حَلْقَةٍ فِيهَا سَعْدُ بْنُ مَالِكٍ وَابْنُ عُمَرَ، فَمَرَّ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ سَلَامٍ، فَقَالُوا: هَذَا رَجُلٌ مِنْ أَهْلِ الْجَنَّةِ، فَقُلْتُ لَهُ: إِنَّهُمْ قَالُوا كَذَا وَكَذَا، قَالَ: سُبْحَانَ اللَّهِ، مَا كَانَ يَنْبَغِي لَهُمْ أَنْ يَقُولُوا مَا لَيْسَ لَهُمْ بِهِ عِلْمٌ، إِنَّمَا رَأَيْتُ كَأَنَّما عَمُودٌ وَضِعَ فِي رَوْضَةِ خَضْرَاءَ، فَنُصِبَ فِيهَا، وَفِي رَأْسِهَا عُرْوَةٌ، وَفِي أَسْفَلِهَا مَنْصَفٌ، وَالْمَنْصَفُ الْوَصِيفُ، فَقِيلَ: ارْقَهُ، فَرَقِيتُ حَتَّى أَخَذْتُ بِالْعُرْوَةِ، فَقَصَصْتُهَا عَلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: (يَمُوتُ عَبْدُ اللَّهِ وَهُوَ آخِذٌ بِالْعُرْوَةِ الْوَثْقَى).

Terjemahan: Daripada Muhammad bin Sirin, beliau berkata: Qais bin ‘Ubād berkata: “Aku berada dalam satu halaqah (majlis ilmu) yang di dalamnya ada Sa’d bin Malik dan Ibn ‘Umar. Tiba-tiba lalu ‘Abdullah bin Salam, lalu mereka berkata: “Inilah seorang lelaki daripada ahli syurga.”. Maka aku pun berkata kepadanya: “Sesungguhnya mereka berkata begini dan begini (yakni engkau dari kalangan ahli syurga).” Maka beliau (‘Abdullah bin Salam) berkata: “Subhanallah, tidak sepatutnya bagi mereka mengatakan sesuatu yang mereka tidak mempunyai pengetahuan tentangnya. Sesungguhnya aku hanya melihat (dalam mimpi) seolah-olah ada sebuah tiang yang diletakkan di dalam taman yang hijau. Tiang itu ditegakkan di situ, dan di atasnya terdapat sebuah gelang (tempat berpaut), sedangkan di bawahnya ada seorang penjaga. Maka dikatakan kepadaku: ‘Naiklah.’ Lalu aku pun naik sehingga aku memegang gelang itu. Kemudian aku ceritakan mimpi itu kepada Rasulullah SAW.” Lalu Rasulullah SAW bersabda: “‘Abdullah akan

<sup>23</sup> Al-Kirmānī, Muḥammad ibn Yūsuf ibn ‘Alī ibn Sa‘īd. (1981). *Al-kawākib al-darārī fī sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (2nd ed.). Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 12/103.

<sup>24</sup> Aḥmad ibn ‘Alī Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fatḥ al-Bārī bi-Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Beirut: Dār al-Ma‘rifah, 1959), 11/74.

wafat dalam keadaan dia berpegang dengan al-‘Urwah al-Wuthqā (tali yang kukuh).”<sup>25</sup>

Hadith ini menceritakan mimpi Baginda SAW melihat sebuah tiang tegak di tengah taman hijau (روضة خضراء) dengan sebuah pegangan di puncaknya. Setelah memanjat hingga memegang pegangan tersebut, beliau menceritakan mimpinya kepada Rasulullah SAW yang menafsirkannya sebagai tanda bahawa beliau akan meninggal dunia dalam keadaan berpegang teguh pada agama Allah. Warna hijau dalam hadith ini digunakan untuk menjelaskan taman yang subur dan indah, merujuk kepada kenikmatan syurga dan ketenteraman jiwa yang dijanjikan kepada orang beriman. Tafsiran ulama seperti al-Qaṣṭallānī menegaskan bahawa keluasan dan kehijauan taman ini menggambarkan kemuliaan tempat kembali seorang mukmin yang teguh dengan keimanan<sup>26</sup>.

Begitu juga hadith yang diriwayatkan oleh Samurah bin Jundub (hadith nombor 1320) menceritakan mimpi Nabi SAW yang merupakan sebahagian daripada wahyu. Dalam mimpi itu, Baginda SAW diperlihatkan oleh dua malaikat pelbagai gambaran azab dan balasan bagi golongan yang berdosa, antaranya orang yang mulutnya dikoyak iaitu golongan pendusta, orang yang kepalanya dipecahkan iaitu golongan yang belajar al-Qur’an tetapi tidak mengamalkannya, orang dalam tungku api iaitu golongan pezina dan orang dalam sungai darah iaitu golongan pemakan riba. Di dalam hadith ini menyebut:

حَتَّىٰ انْتَهِيَا إِلَىٰ رَوْضَةٍ خَضْرَاءَ، فِيهَا شَجَرَةٌ عَظِيمَةٌ، وَفِي أَصْلِهَا شَيْخٌ وَصَبِيَانٌ، وَإِذَا رَجُلٌ قَرِيبٌ  
مِنَ الشَّجَرَةِ، بَيْنَ يَدَيْهِ نَارٌ يُوقِدُهَا، فَصَعِدَا بِي فِي الشَّجَرَةِ

Terjemahan: “Sehingga mereka berdua (malaikat) membawaku ke sebuah taman yang hijau, yang terdapat di dalamnya sebatang pohon yang besar. Di pangkal pohon itu terdapat seorang lelaki tua bersama kanak-kanak, dan di dekat pohon itu ada seorang lelaki dengan api di hadapannya yang sedang dinyalakannya. Maka kedua-duanya membawaku naik ke pohon itu.”<sup>27</sup>

Dalam hadith ini warna hijau digunakan bagi menggambarkan taman yang subur iaitu tempat yang dibawa oleh Malaikat yang mana padanya ada pohon yang besar. Di bawahnya ada seorang lelaki tua (Nabi Ibrahim AS) bersama anak-anak kecil termasuk anak-anak orang beriman dan juga anak-

<sup>25</sup> Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Ta‘bīr, Bāb al-Khaḍr fī al-Manām wa al-Rawḍah al-Khaḍrā’, Hadith no. 6608, 6/2572.

<sup>26</sup> Aḥmad ibn Muḥammad al-Qaṣṭallānī, *Irshād al-Sārī li-Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Cairo: al-Maṭba‘ah al-Kubrā al-Amīriyyah, 1905), 10/141.

<sup>27</sup> Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Jana‘iz, Bāb mā qīla fī awlād al-mushrikīn, Hadith no. 1320, 1/465.

anak orang musyrik<sup>28</sup>. Seterusnya Nabi SAW diperlihatkan tempat tinggal orang-orang beriman, kediaman syuhada', serta tempat kediaman Baginda sendiri di akhirat yang masih menantinya setelah ajalnya tiba. Menurut Syeikh Al-A'yni dalam 'Umdat al-Qārī, perkataan rawḍah khadrā' melambangkan syurga dengan segala kesuburan, ketenangan, dan keindahannya, sementara pohon besar menandakan perlindungan dan pusat pengumpulan<sup>29</sup>.

c) Tumbuhan: Warna hijau juga digunakan bagi menjelaskan warna tumbuhan;

عن أنس بن مالك قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: «رأيت نهر الكوثر، على حافته قباب الدر المجوف، ورأيت تراه المسك الأذفر، ونباته الزعفران، وماؤه أشد بياضا من اللبن، وأحلى من العسل، يجري على الحصى، فإذا أصاب الشعاع النبات أخضر

Terjemahan: Daripada Anas bin Malik RA, beliau berkata: Rasulullah SAW bersabda: "Aku telah melihat sungai al-Kawthar, di tepinya terdapat kubah-kubah daripada mutiara yang berongga dan aku melihat tanahnya adalah dari kasturi yang paling harum, tumbuhannya adalah daripada za'faran dan airnya lebih putih daripada susu serta lebih manis daripada madu mengalir di atas batu-batu kecil. Apabila cahaya matahari menyinari tumbuhannya, maka ia menjadi hijau."<sup>30</sup>

Hadith ini menggambarkan kebangkitan semula segolongan manusia yang dikeluarkan dari neraka melalui "Sungai Kehidupan" di mana mereka tumbuh di tepi sungai seperti benih yang cepat subur dalam lumpur banjir. Bahagian yang terkena cahaya matahari digambarkan sebagai (النبات أخضر) iaitu tumbuhan hijau<sup>31</sup>. Menurut al-Qaṣṭallānī, warna hijau di sini menjadi simbol pertumbuhan, pembaharuan rohani dan rahmat Ilahi. Keadaan mereka yang bersinar seperti mutiara serta dihiasi cincin di leher menjadi tanda pengenalan sebelum dimasukkan ke dalam syurga sebagai golongan yang dibebaskan oleh Allah SWT semata-mata melalui rahmat-Nya, menegaskan kuasa pemulihan dan kehidupan semula yang mutlak milik-Nya<sup>32</sup>.

<sup>28</sup> Al-'Aynī, 'Umdat al-Qārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, 8/215.

<sup>29</sup> Ibid., 8/215.

<sup>30</sup> Al-Bukhārī, Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Tafsīr, Bāb Sūrah al-Kawthar, Hadith no. 7001, 6/2706.

<sup>31</sup> Al-Qaṣṭallānī, Irshād al-sārī li-sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, 10/402.

<sup>32</sup> Ibid., 10/402.

Dalam hadith lain juga, warna hijau digunakan bagi menjelaskan warna tumbuhan yang muncul secara ajaib apabila Khidr duduk di atas permukaan putih:

عن ابن عباس، عن النبي صلى الله عليه وسلم قال: «إنما سمي الخضر لأنه جلس على فروة بيضاء، فإذا هي تحت من خلفه خضراء

Terjemahan: Daripada Ibn ‘Abbas RA, daripada Nabi SAW, baginda bersabda: "Sesungguhnya dia dinamakan al-Khidr kerana dia duduk di atas sepotong kulit (atau tanah) yang berwarna putih, lalu ia bergetar di belakangnya dan berubah menjadi hijau."<sup>33</sup>

Hadith ini menggambarkan bumi atau permukaan yang dahulunya gersang menjadi hijau dan subur selepas kedatangan Khidr menunjukkan keajaiban pertumbuhan dan kehidupan semula alam<sup>34</sup>. Ibnu Hajar al-Asqalani menekankan bahawa keajaiban ini berkait dengan kehadiran Khidr yang duduk di permukaan tersebut diiringi tumbuh-tumbuhan hijau yang melambangkan kesuburan dan keberkatan<sup>35</sup>.

3- Hampan warna hijau: Warna hijau digunakan ketika menjelaskan warna hampan sebagaimana disebut dalam hadith berkaitan lokasi pertemuan Nabi Musa dan Khidr yang duduk di atas hampan hijau<sup>36</sup>. Khidr juga digambarkan berada di atas hampan hijau (طنفسة خضراء) di atas permukaan air, malah nama al-Khidr sendiri berasal daripada kata akar *khadrah* (hijau) kerana di mana sahaja beliau duduk, tanah akan menjadi subur dan menghijau<sup>37</sup>.

Dalam hadith lain pula warna hijau digunakan pada menjelaskan warna hampan di langit ;

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ: {لَقَدْ رَأَى مِنْ آيَاتِ رَبِّهِ الْكُبْرَى}. قال: رأى رفرفاً أخضر سد أفق السماء.

Terjemahan: Daripada ‘Abdullah RA mengenai firman Allah Ta‘ala: “Sesungguhnya dia (Nabi Muhammad SAW) telah melihat sebahagian daripada tanda-tanda (kebesaran) Tuhannya yang paling besar” [al-Najm: 18].

<sup>33</sup> Al-Bukhāri, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb Bad’ al-Khalq, Bāb Khalq Khāliqin min al-Malā’ikah wa Ghayrihim, Hadith no. 3221, 3/1248.

<sup>34</sup> Muḥammad ibn Yūsuf ibn ‘Alī ibn Sa’īd Al-Kirmānī, *Al-kawākib al-darārī fī sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 2nd ed. (Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 1981), 2/43.

<sup>35</sup> Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fath al-bārī bi-sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 6/433.

<sup>36</sup> Al-Bukhāri, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Tafsīr, Bāb {Falammā balaghā majma’a baynihimā nasiyā ḥūtahumā fa-ittakhadha sabīlahu fī al-baḥri saraban} (61)., Hadith no. 4449, 4/1754.

<sup>37</sup> Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fath al-bārī bi-sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 8/417.

Beliau ('Abdullah) berkata: "Baginda (Nabi SAW) melihat hamparan hijau (زفر أخضر) yang menutupi ufuk langit."<sup>38</sup>

Dalam kitab *Al-Kawakib al-Darārī* menafsirkan "زفر أخضر" sebagai pakaian hijau yang dibentangkan atau sayap Jibril<sup>39</sup>, sementara dalam kitab *Irshād al-Sārī* menjelaskan bahawa luas hamparan tersebut memenuhi ruang antara langit dan bumi sebagai simbol kemuliaan dan perlindungan ilahi<sup>40</sup>. Warna hijau dalam konteks ini menekankan ketenangan, keberkatan dan kedamaian yang dibawa oleh para malaikat dalam penglihatan rohani Nabi SAW. Ia dikaitkan dengan simbol rahmat, kehidupan abadi dan ganjaran ukhrawi, selari dengan banyak ayat al-Quran yang menggambarkan syurga dengan warna hijau.

4- Warna sebagai perumpamaan: Warna hijau digunakan sebagai perumpamaan dalam beberapa keadaan iaitu;

a) Warna daun pohon tamar: Berdasarkan hadith riwayat Ibn 'Umar RA, Nabi SAW bersabda:

(مَثَلُ الْمُؤْمِنِ كَمَثَلِ شَجَرَةِ خَضْرَاءَ، لَا يَسْقُطُ وَرَقُهَا وَلَا يَتَحَاثُّ). فَقَالَ الْقَوْمُ: هِيَ شَجَرَةُ كَدَا، هِيَ شَجَرَةُ كَدَا، فَأَرَدْتُ أَنْ أَقُولَ: هِيَ النَّخْلَةُ، وَأَنَا غَلَامٌ شَابٌّ فَاسْتَحْيَيْتُ، فَقَالَ: (هِيَ النَّخْلَةُ).

Terjemahan: 'Perumpamaan seorang mukmin adalah seperti sebatang pokok yang hijau, daunnya tidak gugur dan tidak luruh.' Maka para sahabat pun berkata: 'Ia adalah pokok ini' atau 'pokok itu.' Aku ingin mengatakan bahawa ia adalah pohon kurma, sedangkan aku ketika itu masih seorang pemuda, maka aku malu. Lalu baginda bersabda: 'Ia adalah pohon kurma.'<sup>41</sup>

Dalam hadith ini, Rasulullah SAW mengumpamakan seorang mukmin seperti pohon hijau yang daunnya tidak gugur, iaitu pohon kurma (النخلة) sebagai simbol keteguhan iman, keberkatan dan memberi manfaat yang berterusan. Warna hijau pada daun pohon tersebut pula melambangkan kesuburan, kehidupan dan kekuatan, manakala sifat pohon kurma yang tetap memberi manfaat meskipun menghadapi pelbagai keadaan menjadi perumpamaan kepada ketabahan dan kebaikan seorang mukmin. Tafsiran ulama seperti al-'Aynī dalam *Umdat al-Qārī* menjelaskan bahawa pohon

<sup>38</sup> Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb Bad' al-Khalq, Bāb *Idhā qāla aḥadukum: Āmīn, wa al-malā'ikah fī al-samā'*, *fawāfaqat ihdāhumā al-ukhrā, ghufira lahu mā taqaddama min dhanbih*, Hadith no. 3061, 3/1181.

<sup>39</sup> Al-Kirmānī, *Al-kawākib al-darārī fī sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 13/179.

<sup>40</sup> Al-Qaṣṭalānī, *Irshād al-sārī li-sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 5/276.

<sup>41</sup> Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Isti'dhān, Bāb: *Mā Lā Yustaḥyā Min al-Ḥaqq Li al-Tafaqquh fī al-Dīn*, Hadith no. 5771, 5/2268.

kurma memiliki banyak kebaikan dari pelbagai sudut dan ketahanannya menyerupai keteguhan hati seorang mukmin yang tidak goyah oleh ujian<sup>42</sup>.

b) Warna tumbuhan: Warna hijau digunakan sebagai perumpamaan berkaitan amaran terhadap fitnah harta dunia dan galakan untuk menggunakan kekayaan dengan cara yang benar. Warna hijau pada hadith nombor 1396, 2687, 6063 digunakan untuk menjelaskan bahawa dunia diumpamakan seperti rumput hijau yang menarik perhatian binatang ternakan. Dalam hadith yang diriwayatkan oleh Abu Sa'ud al-Khudri, Nabi SAW bersabda:

(إِنَّهُ لَا يَأْتِي الْحَبِيرَ بِالشَّرِّ، وَإِنَّ مِمَّا يُنْبِتُ الرَّبِيعُ يَفْتَنُ أَوْ يُيْمُّ، إِلَّا آكَلَهُ الْحَضْرَاءُ، أَكَلْتُ حَتَّى إِذَا امْتَدَّتْ حَاصِرَتَاهَا، اسْتَقْبَلَتْ عَيْنَ الشَّمْسِ، فَثَلَطَتْ، وَبَالَتْ، وَرَتَعَتْ، وَإِنَّ هَذَا الْمَالَ حَضْرَةٌ خُلُوءٌ، فَنِعَمَ صَاحِبِ الْمُسْلِمِ مَا أُعْطِيَ مِنْهُ الْمَسْكِينِ وَالْيَتِيمِ وَابْنَ السَّبِيلِ - أَوْ كَمَا قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - وَإِنَّهُ مَنْ يَأْخُذْهُ بِغَيْرِ حَقِّهِ، كَالَّذِي يَأْكُلُ وَلَا يَشْبَعُ، وَيَكُونُ شَهِيدًا عَلَيْهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ)

Terjemahan: “Sesungguhnya kebaikan tidak akan mendatangkan keburukan. Sesungguhnya antara tumbuhan musim bunga ada yang membunuh atau hampir membunuh kecuali pemakan rumput hijau (al-khadra’), ia makan sehingga apabila kedua sisinya (perutnya) menjadi besar, ia pun menghadap matahari, lalu ia buang najis dan kencing, kemudian kembali makan. Sesungguhnya harta itu hijau lagi manis, dan sebaik-baik harta bagi seorang Muslim adalah yang daripadanya dia memberikan kepada orang miskin, anak yatim dan musafir. Namun sesiapa yang mengambilnya tanpa hak, dia seperti orang yang makan tetapi tidak pernah kenyang, dan harta itu akan menjadi saksi ke atasnya pada Hari Kiamat.”<sup>43</sup>

Dalam hadith lain pula (hadith nombor 1403 dan 6076), warna hijau digunakan sebagai perumpamaan harta dunia. Daripada Ḥakīm bin Ḥizām RA, beliau berkata:

قَالَ لِي: (يَا حَكِيمُ، إِنَّ هَذَا الْمَالَ حَضْرَةٌ خُلُوءٌ، فَمَنْ أَخَذَهُ بِطَيْبِ نَفْسٍ بُورِكَ لَهُ فِيهِ، وَمَنْ أَخَذَهُ بِإِشْرَافِ نَفْسٍ لَمْ يُبَارَكْ لَهُ فِيهِ، وَكَانَ كَالَّذِي يَأْكُلُ وَلَا يَشْبَعُ، وَالْيَدُ الْعُلْيَا خَيْرٌ مِنَ الْيَدِ السُّفْلَى)

Terjemahan: Baginda berkata kepadaku: ‘Wahai Ḥakīm, sesungguhnya harta itu hijau lagi manis. Sesiapa yang mengambilnya dengan kerelaan hati, akan diberkati baginya; dan sesiapa yang mengambilnya dengan tamak, tidak akan

<sup>42</sup> Al-‘Aynī, *‘Umdat al-qārī sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 22/166.

<sup>43</sup> Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Riqāq, Bāb mā yuḥdhir min ‘urūḍ al-dunyā wa al-tanāfus fiḥā, Hadith no. 6063, 2/532.

diberkati baginya, dan dia seperti orang yang makan tetapi tidak pernah kenyang. Dan tangan yang di atas (memberi) lebih baik daripada tangan yang di bawah (meminta).”<sup>44</sup>

Dalam hadith ini, Nabi SAW menasihati Hakim bin Hizam berkaitan harta dunia dan mengumpamakan ia sebagai sesuatu yang hijau dan manis (خضرة حلوة). Para ulama menjelaskan bahawa hijau melambangkan keindahan visual yang memikat hati, manakala manis menggambarkan kenikmatan rasa yang membuat manusia lebih cenderung kepadanya<sup>45</sup>. Perumpamaan ini memberi isyarat bahawa harta dunia sangat menarik secara zahirnya tetapi jika tidak dikendalikan dengan hati yang tenang dan qana'ah, ia boleh menjerumuskan manusia kepada kebinasaan.

### **Kedua: Hadith yang membawa konotasi negatif**

Terdapat 1 hadith yang membawa konotasi negatif (hadith nombor 5487);

قَالَتْ عَائِشَةُ: وَعَلَيْهَا خِمَارٌ أَخْضَرُ، فَشَكَتْ إِلَيْهَا وَأَرَتْهَا خُضْرَةَ بَجِلْدِهَا، فَلَمَّا جَاءَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَالنِّسَاءُ يَنْصُرُ بَعْضُهُنَّ بَعْضًا، قَالَتْ عَائِشَةُ: مَا رَأَيْتُ مِثْلَ مَا يَلْقَى الْمُؤْمِنَاتُ؟ لَجِلْدُهَا أَشَدُّ خُضْرَةً مِنْ تَوْبِهِ

Terjemahan: Aisyah RA berkata: “Seorang wanita datang dengan mengenakan khimār hijau. Ia mengadu kepadaku (tentang suaminya) dan memperlihatkan bekas kehijauan pada kulitnya (akibat dipukul). Ketika Rasulullah SAW datang, sementara para wanita saling menolong satu sama lain, Aisyah RA berkata: ‘Aku tidak pernah melihat kaum wanita mukminah mendapat penderitaan seperti ini; sesungguhnya kulitnya lebih hijau daripada pakaiannya.’”<sup>46</sup>

Hadith ini menggambarkan peristiwa seorang wanita yang dianiaya oleh suami keduanya dan datang mengadu kepada ‘Ā’ishah RA dengan memakai khimār berwarna hijau (خمار أخضر). Wanita tersebut menunjukkan kesan lebam pada kulitnya yang lebih hijau daripada pakaiannya (خُضْرَةً بَجِلْدِهَا) akibat dipukul. Ibn Baṭṭāl menjelaskan bahawa hadith ini membuktikan hak seorang suami untuk mendidik isteri yang nusyuz dan hak seorang isteri

<sup>44</sup> Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 2002, Kitāb al-Zakāh, Bab al-isti’fāfi ‘ani al-mas’alah, Hadith no. 1403, 2/535; Kitāb al-Riqāq, Bab Qawlu al-Nabiyy ṣallallāhu ‘alayhi wa-sallam: (Hādhā al-mālu khaḍīratun ḥulwatun), Hadith no. 6076, 5/2365.

<sup>45</sup> Al-Kirmānī, *Al-kawākib al-darārī fī sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 8/17.

<sup>46</sup> Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Libās, Bāb al-Thiyāb al-Khuḍr, Hadith no. 5487, 5/2192.

untuk mengadu kepada pihak berautoriti<sup>47</sup>. Al-‘Aynī pula menafsirkan kehijauan pada kulit wanita itu sama ada disebabkan pukulan atau kelemahan fizikal<sup>48</sup>, manakala al-Qaṣṭallānī menegaskan bahawa (خمار أخضر) merujuk kepada tudung kepala berwarna hijau<sup>49</sup>. Dalam konteks ini, warna hijau membawa konotasi negatif yang berkaitan dengan penderitaan fizikal, kesakitan dan ketidakadilan dalam rumah tangga.

Berdasarkan analisis terhadap penggunaan lafaz hijau dalam hadith sahih al-Bukhari, pengkaji mendapati ia digunakan dalam pelbagai konteks merangkumi kehidupan dunia dan gambaran akhirat sebagaimana dalam jadual 3. Secara keseluruhannya, warna hijau lebih dominan digunakan bagi menjelaskan keadaan yang positif seperti; membawa makna ketenangan, harapan, keberkatan dan keselamatan jiwa.

**Jadual 3:** Konotasi perkataan hijau dalam hadith Sahih al-Bukhari

Bil.	Tema	No. Hadith	Isi Kandungan	Konotasi	
				positif	negatif
1	Warna pakaian dan barangan	5274	Tempayan hijau	/	
		5485	Corak hijau pada pakaian	/	
		5487	Lebam wanita yang dizalimi		/
2	Warna taman dan alam	2646, 2722	Laut hijau dalam mimpi Nabi SAW	/	
		6608	Taman hijau dalam mimpi (syurga/ketenangan)	/	
		7001	Tumbuhan hijau	/	
		1320	Taman hijau dalam mimpi (syurga/ketenangan)	/	
		3221	Mukjizat Nabi Khidr	/	
3	Hampan hijau	3061, 4577	Hampan hijau di langit & syurga	/	
		4449	Hampan yang digunakan oleh Nabi Khidr ketika dijumpai oleh Nabi Musa.	/	
4	Perumpamaan	5771	Warna hijau daun pohon kurma.	/	
		1396	Mukmin seperti pohon hijau	/	
		2687, 6063, 1403, 6076	Harta dunia ibarat hijau & manis	/	

<sup>47</sup> ‘Alī ibn Khalaf ibn ‘Abd al-Malik Ibn Baṭṭāl, *Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 2nd ed., ed. Abū Tamīm Yāsir ibn Ibrāhīm (Riyadh: Maktabat al-Rushd, 2003), 9/103.

<sup>48</sup> Al-‘Aynī, *Umdat al-qārī sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 22/6.

<sup>49</sup> Al-Qaṣṭallānī, *Irshād al-sārī li-sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 8/435.

Dapatan ini memperlihatkan bahawa warna hijau mempunyai nilai yang signifikan dari aspek emosi kerana majoriti penggunaan perkataan hijau dalam teks hadith Sahih al-Bukhari mengaitkannya dengan ketenangan, kehidupan abadi serta nikmat di akhirat. Justeru ia dilihat mempunyai potensi dari sudut berperanan sebagai elemen terapi bagi masalah yang melibatkan emosi dan kesihatan mental.

## 2) Warna Hijau Sebagai Elemen Nonfarmakologi Bagi Masalah kebimbangan

Warna daripada perspektif psikologi didapati memberi kesan yang signifikan terhadap emosi manusia secara umum serta terhadap masalah kebimbangan (*anxiety*) secara khusus. Kajian tinjauan sistematik penyelidikan mendapati hijau, biru dan hijau-biru secara konsisten dikaitkan dengan emosi positif yang menenangkan seperti relaks dan nyaman berbanding warna gelap seperti hitam atau kelabu yang lebih negatif<sup>50</sup>. Dalam beberapa kajian, warna hijau digunakan sebagai salah satu elemen dalam membantu pesakit yang mengalami tekanan dan kebimbangan khususnya melalui pendedahan visual dalam ruang persekitaran, meditasi dan teknik visualisasi. Pendekatan ini termasuk dalam kategori rawatan nonfarmakologi iaitu rawatan tanpa ubat yang menyasarkan perubahan tingkah laku dan emosi secara semula jadi. Antara kesan penggunaan elemen warna hijau dari sudut emosi khususnya dalam mengurangkan kebimbangan adalah seperti berikut:

1- Memberi kesan relaksasi: Satu kajian yang dijalankan terhadap pesakit pergigian mendapati bahawa pemakaian kaca mata hijau selama 15 minit sebelum *kanulasi intravena* didapati menurunkan tekanan fisiologi (*salivary  $\alpha$ -amylase*) dan mengurangkan tahap kesakitan, di samping penurunan skor kebimbangan meskipun tidak signifikan secara statistik. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa cahaya berwarna hijau mampu menekan aktiviti simpatetik dan meningkatkan ketenangan pesakit<sup>51</sup>.

Kajian lain terhadap 40 lelaki dari Jepun dan Mesir mendedahkan bahawa warna hijau dan hijau-putih menurunkan kepekatan oxy-Hb di lobus frontal bagi peserta Jepun, manakala hijau muda dan hijau-kuning memberi kesan serupa bagi peserta Mesir. ini menunjukkan bahawa melihat warna dedaunan khususnya hijau memberi kesan terapeutik terhadap keadaan fisiologi dan psikologi individu. Paparan warna hijau dan variasinya (seperti

---

<sup>50</sup> Domicel  Jonauskait  and Christina Mohr. "Do we feel colours? A systematic review of 128 years of psychological research linking colours and emotions." *Psychonomic Bulletin & Review*, 32 (2025): 1457 - 1486. <https://doi.org/10.3758/s13423-024-02615-z>.

<sup>51</sup> Yuki Nakada et al., "Effect of Wearing Green Colored Glasses on Pain and Anxiety during Intravenous Cannulation," *Pain Research & Management* (2022): 1–8, <https://doi.org/10.1155/2022/2345683>.

hijau-putih, hijau muda, hijau-kuning) dikaitkan dengan relaksasi fisiologi serta perasaan positif seperti ketenangan, keselesaan dan rasa semula jadi<sup>52</sup>. Dapatan ini menjelaskan penggunaan warna hijau dalam persekitaran dapat berfungsi sebagai elemen nonfarmakologi yang menyokong pengurusan kebimbangan dan peningkatan kesejahteraan emosi.

2- Memberi kestabilan emosi: Satu kajian terhadap pesakit *generalized anxiety disorder* (GAD) mendapati bahawa sesi psikoterapi yang dijalankan di bawah pencahayaan *narrow-band green light* (nbGL) meningkatkan perasaan positif, mengurangkan perasaan negatif, serta memperbaiki skor *State-Trait Anxiety Inventory* (STAI). Kajian tersebut mencadangkan penggunaan cahaya hijau sebagai satu bentuk intervensi tambahan yang berisiko rendah dalam rawatan GAD.<sup>53</sup>

3- Menurunkan tahap kebimbangan: Satu kajian mengkaji kesan simulasi alam semula jadi terhadap kesihatan mental. Kajian dijalankan terhadap pelajar universiti menunjukkan bahawa pendedahan harian kepada video alam semula jadi yang dominan hijau selama beberapa minggu mengurangkan *anxious apprehension* (*worry*) dan menurunkan *anxious arousal* (*panic*) berbanding kumpulan kawalan. Penemuan ini membuktikan bahawa visual hijau daripada alam semula jadi berpotensi digunakan sebagai *guided imagery* atau sebagai satu bentuk intervensi ringkas dalam pengurusan kebimbangan, khususnya dalam kalangan pelajar yang sering berhadapan dengan tekanan akademik<sup>54</sup>.

Berdasarkan prinsip ini, penggunaan warna hijau boleh diintegrasikan sebagai salah satu elemen dalam rawatan atau terapi secara nonfarmakologi iaitu kaedah rawatan yang tidak melibatkan ubat-ubatan yang melengkapkan rawatan psikofarmakologi oleh pakar psikiatri. Pendekatan ini bertujuan membantu individu mengurus dan mengurangkan simptom kebimbangan (*anxiety*) secara lebih holistik. Peranan ini dilihat selari dengan penggunaan

---

<sup>52</sup> Liu, Kexiu, Mohamed Elsadek, Binyi Liu and Ejiro Fujii. "Foliage Colors Improve Relaxation and Emotional Status of University Students from Different Countries." *Heliyon* 7, no. 1 (2021): e06131. <https://doi.org/10.1016/j.heliyon.2021.e06131>

<sup>53</sup> Agustin Melo-Carrillo, Raul Rodriguez, Sait Ashina, Brittany Lipinski, Paul Hart, and Rami Burstein, "Psychotherapy Treatment of Generalized Anxiety Disorder Improves When Conducted Under Narrow Band Green Light," *Psychology Research and Behavior Management* 16 (2023): 241–250, Dove Medical Press, published January 26, 2023, <https://www.dovepress.com/article/download/81271>

<sup>54</sup> Matthew H. E. M. Browning, Katherine J. Mimnaugh, Carena J. van Riper, Heidemarie K. Laurent and Steven M. LaValle, "Can Simulated Nature Support Mental Health? Comparing Short, Single-Doses of 360-Degree Nature Videos in Virtual Reality with the Outdoors," *Frontiers in Psychology* 10 (2020): 1–13, doi:10.3389/fpsyg.2019.02667.

lafaz hijau yang digunakan dalam hadith sahih al-Bukhari yang mana majoriti perkataan digunakan untuk menunjukkan makna positif dan digunakan untuk menjelaskan situasi keamanan, ketenangan dan kedamaian. Justeru, warna hijau bukan sekadar perkataan yang digunakan dalam hadith nabawi, tetapi pemilihan perkataan dalam hadith nabawi mempunyai signifikan yang tersendiri.

## Sumbangan Kajian Teoretikal dan Praktikal

Kajian ini memberikan sumbangan teoretikal dan praktikal yang signifikan. Dari segi teoretikal, analisis tematik terhadap lafaz “hijau” dalam Sahih al-Bukhari memperkukuhkan pemahaman mengenai konotasi psikospiritual warna hijau dalam teks hadith, menyokong pembangunan kerangka teori intervensi nonfarmakologi bagi menangani kebimbangan (*anxiety*) dan membuka ruang bagi kajian lanjutan tentang hubungan antara teks hadith, simbolik penggunaan warna, dan kesejahteraan emosi.

Dari segi praktikal, dapatan kajian dapat dijadikan asas untuk membangunkan intervensi berasaskan warna yang selaras dengan prinsip Islam seperti program pemulihan emosi, terapi seni atau modul pengurusan kebimbangan di institusi pendidikan dan klinikal, serta menyediakan panduan kepada pengamal psikologi dan kaunselor untuk mengintegrasikan unsur budaya dan spiritual dalam strategi rawatan, menjadikan terapi lebih holistik, relevan dan berkesan kepada komuniti Muslim.

## Kesimpulan

Penggunaan perkataan “hijau” dalam Hadith Sahih al-Bukhari bukan sekadar gambaran visual, tetapi mempunyai signifikan secara konseptual dari sudut kestabilan emosi, termasuk konotasi ketenangan, rahmat, keselamatan, dan pengakhiran yang baik. Dapatan kajian ini selaras secara teoretikal dengan hasil kajian psikologi yang menunjukkan bahawa elemen warna hijau dalam terapi secara nonfarmakologi berpotensi membantu menurunkan tekanan, menstabilkan emosi, dan mengurangkan kebimbangan. Justeru, integrasi antara Hadith nabawi dan prinsip psikologi berpotensi menjadikan terapi warna sebagai pendekatan nonfarmakologi berdasarkan Hadith nabawi untuk menangani masalah kebimbangan (*anxiety*), walaupun hubungan kausal secara empirikal masih perlu diuji melalui kajian lanjutan.

## Penghargaan

Kajian ini dibiayai oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental Penyelidik Muda (FRGS-EC) dengan kod rujukan FRGS-EC/1/2024/SSI03/USIM/03/3 bertajuk Pembinaan Model

Baharu Terapi Warna Berdasarkan Hadith Sebagai Elemen Nonfarmakologi Bagi Masalah Kebimbangan (Anxiety).

## Bibliography

Al-Quran al-Karim

Al-‘Aynī, Maḥmūd ibn Aḥmad. *‘Umdat al-Qārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, n.d.

Al-Bukhārī, Muḥammad ibn Ismā‘īl. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Riyadh: Dār Ṭawq al-ajāt, 2002.

Al-Kirmānī, Muḥammad ibn Yūsuf ibn ‘Alī ibn Sa‘īd. *Al-Kawākib al-Darārī fī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. 2nd ed. Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 1981.

Al-Qaṣṭallānī, Aḥmad ibn Muḥammad ibn Abī Bakr ibn ‘Abd al-Malik. *Irshād al-ārī li-Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. 7th ed. Cairo: al-Maṭba‘ah al-Kubrā al-Amīriyyah, 1905.

Bandelow, Borwin, Stefan Michaelis, and Daniel Wedekind. “Treatment of Anxiety Disorders.” *Dialogues in Clinical Neuroscience* 19, no. 2 (2017): 93–107.

Barlow, David H., Timothy A. Brown, and Michelle G. Craske. “Definitions of Anxiety Disorders.” In *Clinical Handbook of Psychological Disorders*, 21–47. New York: Guilford Press, 2003.

Browning, Matthew H. E. M., Katherine J. Mimnaugh, Carena J. van Riper, Heidemarie K. Laurent, and Steven M. LaValle. “Can Simulated Nature Support Mental Health? Comparing Short, Single-Doses of 360-Degree Nature Videos in Virtual Reality With the Outdoors.” *Frontiers in Psychology* 10 (2020): 1–13. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2019.02667>

Cao, Hui, Yanan Wu, Huan Yin, Yifan Sun, Hui Yuan, and Min Tao. “Global Trends in the Incidence of Anxiety Disorders from 1990 to 2019.” *JMIR Public Health and Surveillance* 9 (2023): e42600. <https://doi.org/10.2196/42600>.

Drever, James. *A Dictionary of Psychology*. Harmondsworth: Penguin, 1952.

Feldman, Robert S. *Essentials of Understanding Psychology*. New York: McGraw-Hill, 1997.

Gupta, Ritu. “Color Therapy in Mental Health and Well Being.” *International Journal of All Research Education and Scientific Methods* 9, no. 2 (2021): 1–4. [www.ijaresm.com](http://www.ijaresm.com)

Jonauskaitė, Domicelė, and Christina Mohr. “Do We Feel Colours? A Systematic Review of 128 Years of Psychological Research Linking Colours and Emotions.” *Psychonomic Bulletin & Review* 32 (2025): 1457–1486. <https://doi.org/10.3758/s13423-024-02615-z>

Liu, Kexiu, Mohamed Elsadek, Binyi Liu, and Eijiro Fujii. “Foliage Colors Improve Relaxation and Emotional Status of University Students from

- Different Countries.” *Heliyon* 7, no. 1 (2021): e06131.  
<https://doi.org/10.1016/j.heliyon.2021.e06131>
- Masroom, Mohd Nazri, Siti Noraini Muhamad, and Aida Abd Rahman. “Traditional Integrated Islamic Psychotherapy.” *Journal of Islamic Studies* 23, no. 2 (2015): 112–130.
- Melo-Carrillo, Agustin, Raul Rodriguez, Sait Ashina, Brittany Lipinski, Paul Hart, and Rami Burstein. “Psychotherapy Treatment of Generalized Anxiety Disorder Improves When Conducted Under Narrow Band Green Light.” *Psychology Research and Behavior Management* 16 (2023): 241–250. Dove Medical Press. Published January 26, 2023.  
<https://www.dovepress.com/article/download/81271>
- Nakada, Yuki, Yuta Tanaka, Hiroshi Kawai, Keiko Yoshida, Kazuki Hattori, and Tetsuya Otsuka. “Effect of Wearing Green Colored Glasses.” *Pain Research & Management* (2022): 1–8.  
<https://doi.org/10.1155/2022/2345683>.
- National Institute of Mental Health. (2024). Anxiety disorders.  
<https://www.nimh.nih.gov/health/topics/anxiety-disorders>
- Noyes, Russell, Cynthia S. Holt, and Charles L. Woodman. “Somatic Symptoms in Anxiety Disorders.” *Psychosomatics* 39, no. 3 (1998): 145–153.
- Wright, Angela. *The Beginner’s Guide to Colour Psychology*. London: Kyle Cathie Limited, 1995.